

Kajian-Perdagangan

LEBIH BANYAK USAHA UNTUK LALUAN PASARAN BAGI EKSPORT M'SIA

Kuala Lumpur, 16 Dis (Bernama) -- Usaha akan terus dipertingkatkan untuk meninggikan keupayaan eksport negara ke pasaran baru dan yang sedia ada, demikian menurut laporan kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Laporan itu menyebut eksport perkhidmatan akan juga ditingkatkan untuk mempelbagaikan asas eksport bagi mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan daripada imbalan pembayaran.

Perdagangan dan pelaburan dengan pasaran-pasaran Selatan akan juga dipertingkatkan, menurut laporan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Laporan itu berkata sektor perdagangan luar dijangka berkembang sederhana pada dua tahun akan datang kerana pertumbuhan rendah dalam permintaan luar dengan eksport barangan dan barangan bukan faktor berkembang 11.7 peratus berbanding dengan 14.5 peratus pada tiga tahun lepas.

Dengan peningkatan pendapatan, sektor perdagangan dalam negeri dijangka terus berkembang pesat sebanyak 11 peratus setahun.-- Lagi

Kajian-Perdagangan 2 Kuala Lumpur

Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1994 dan perkembangan pelancongan dalam negeri turut mendorong pertumbuhan sektor ini.

Laporan itu berkata, perkhidmatan perdagangan borong dan runcit perlu dipertingkatkan secara beransur-ansur untuk memenuhi permintaan yang bertambah berikutan pendapatan dan cara hidup yang semakin meningkat.

"Sektor ini perlu meningkatkan daya saingnya, terutama dengan adanya perlonggaran perdagangan perkhidmatan," katanya.

Menurutnya dasar negara mengenai perdagangan borong dan runcit akan digubal bagi memastikan sektor ini berdaya saing.

Peniaga-peniaga kecil akan terus mendapat kredit dari bank-bank komersil dan syarikat-syarikat kewangan manakala Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) akan meneruskan usaha sedia ada.

Satu skim baru yang mensyaratkan setiap bank mengambil beberapa peniaga dan menyediakan mereka dengan bantuan dan khidmat nasihat akan diperkenalkan. -- Lagi

Kajian-Perdagangan 3 Kuala Lumpur

Kerajaan Persekutuan telah mengkaji semula peruntukan perdagangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam daripada RM658.8 juta kepada RM694.0 juta untuk mengukuh dan memodenkan perkhidmatan perdagangan dan pentadbiran latihan dan khidmat perundingan untuk meningkatkan sokongan bagi memperluaskan perdagangan antarabangsa.

Daripada jumlah keseluruhan peruntukan itu, perbelanjaan bagi tiga tahun awal tempoh rancangan itu dianggar sebanyak RM211.6 juta dan selebihnya RM482.4 juta ialah untuk dua tahun terakhir tempoh rancangan itu.

Perdagangan luar Malaysia meningkat pada purata 14.5 peratus di antara 1991 dan tahun ini, iaitu lebih tinggi daripada matlamat kadar pertumbuhan sebanyak 11.6 peratus. Import pula meningkat sebanyak 13.1 peratus setahun.

Menjelang 1993, sumbangan eksport dan import kepada Keluaran Dalam Negera Kasar meningkat masing-masing sebanyak 83.7 peratus dan 78.6 peratus, kata laporan itu, sambil menjelaskan bahawa ini mencerminkan ekonomi Malaysia yang terbuka. -- Lagi

Kajian-Perdagangan 4 Kuala Lumpur

Asean, Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Kesatuan Eropah kekal menjadi pasaran eksport utama dan menyumbang sebanyak 75.2 peratus kepada eksport kasar pada 1993. Bagaimanapun, eksport ke negara-negara Selatan mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 17.6 peratus sepanjang tempoh tiga tahun itu.

Asean sahaja menyumbang suku daripada perdagangan luar Malaysia dan ia meningkat 13.5 peratus setahun kepada RM55,600 juta pada 1993. Daripada itu Singapura menyumbang 80 peratus.

Bagi perdagangan dalam negeri, laporan itu berkata sektor ini mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 11.7 peratus dalam tempoh kajian berbanding dengan 9.0 peratus yang diunjurkan.

Dalam tempoh kajian itu, agensi-agensi sektor awam terus memainkan peranan penting dalam menyediakan bantuan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia dan pengimport-pengimport asing bagi barangan Malaysia.

Pada dua tahun selebihnya bagi rancangan itu, sektor perdagangan, kewangan dan juga pelancongan akan meningkat dan menyumbang dengan ketara kepada keluaran dalam negara kasar.

Dasar-dasar perdagangan akan terus diawasi dan dikaji semula terutamanya dalam konteks ketidakpastian persekitaran perdagangan antarabangsa, kata laporan itu. --Bernama